



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

SABTU, 2 MAC 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/3/2024

| BIL | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | SUMBER                   |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|
| 1   | <b>FAMILIES AND GLOBAL MEGATRENDS FORUM IDEAL PLATFORM FOR KPWKM TO EMULATE BEST PRACTICES FROM ABROAD - NANCY</b>                                                                                                                                                                                                |                          |
|     | <a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2274910">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2274910</a>                                                                                                                                                                                                       | BERNAMA.COM              |
|     | <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2274874">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2274874</a>                                                                                                                                                                                                 | BERNAMA.COM              |
|     | <a href="https://thesun.my/local_news/families-and-global-megatrends-forum-ideal-platform-for-kpwkm-to-emulate-best-practices-from-abroad-nancy-FE12160151">https://thesun.my/local_news/families-and-global-megatrends-forum-ideal-platform-for-kpwkm-to-emulate-best-practices-from-abroad-nancy-FE12160151</a> | THESUN.MY                |
|     | <a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/families-and-global-megatrends-forum-ideal-platform-for-ministry-to-emulate-best-practices-nancy/">https://www.newsarawaktribune.com.my/families-and-global-megatrends-forum-ideal-platform-for-ministry-to-emulate-best-practices-nancy/</a>                       | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |
|     | <a href="https://www.youtube.com/watch?v=1av7qaabyv0">https://www.youtube.com/watch?v=1av7qaabyv0</a>                                                                                                                                                                                                             | YOUTUBE                  |

| BIL | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                 | SUMBER             |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|
| 2   | <b>IPD SEREMBAN BANTU PESARA POLIS HIDUP GELANDANGAN</b>                                                                                                                                                                                |                    |
|     | <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1218427/ipd-seremban-bantu-pesara-polis-hidup-gelandangan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1218427/ipd-seremban-bantu-pesara-polis-hidup-gelandangan</a> | BHARIAN.COM.MY     |
|     | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/652205/edisi/melaka-ns/pesara-polis-hidup-gelandangan-dapat-perhatian">https://www.sinarharian.com.my/article/652205/edisi/melaka-ns/pesara-polis-hidup-gelandangan-dapat-perhatian</a> | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA                                                                                                                                                                           | SUMBER       |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|
| 3   | <b>RUMAH REPUT JADI TEMPAT TINGGAL PASANGAN OKU</b>                                                                                                                               |              |
|     | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/01/rumah-reput-jadi-tempat-tinggal-pasangan-oku/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/01/rumah-reput-jadi-tempat-tinggal-pasangan-oku/</a> | KOSMO.COM.MY |



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/3/2024

| BIL | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                     | SUMBER              |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| 4   | <b>KEMENTERIAN AKAN LEBIH AGRESIF TAMBAH RAKAN STRATEGIK KGC TAHUN INI: FATIMAH</b>                                                                                                                                                                         |                     |
|     | <a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/01/kementerian-akan-lebih-agresif-tambah-rakan-strategik-kgc-tahun-ini-fatimah">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/01/kementerian-akan-lebih-agresif-tambah-rakan-strategik-kgc-tahun-ini-fatimah</a> | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                               | SUMBER              |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| 5   | <b>KERAJAAN SARAWAK TERUS BERUSAHA PERKASA EKONOMI WANITA: FATIMAH</b>                                                                                                                                                                                |                     |
|     | <a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/01/kerajaan-sarawak-terus-berusaha-perkasa-ekonomi-wanita-fatimah">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/01/kerajaan-sarawak-terus-berusaha-perkasa-ekonomi-wanita-fatimah</a>                     | UTUSANBORNEO.COM.MY |
|     | <a href="https://www.tvsarawak.my/2024/03/01/143-usahawan-wanita-sibu-terima-bantuan-geran-modal-pemeriksaan-wanita-sarawak/">https://www.tvsarawak.my/2024/03/01/143-usahawan-wanita-sibu-terima-bantuan-geran-modal-pemeriksaan-wanita-sarawak/</a> | TVSARAWAK.MY        |

| BIL | PERKARA                                                                                                               | SUMBER           |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| 6   | <b>JHEWA SANTUNI 3,631 WANITA</b>                                                                                     |                  |
|     | <a href="https://sabahnews.com.my/jhewa-santuni-3631-wanita/">https://sabahnews.com.my/jhewa-santuni-3631-wanita/</a> | SABAHNEWS.COM.MY |

| BIL | PERKARA                                                                                                                                                                                                     | SUMBER        |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 7   | <b>PENUNTUT WANITA BERI MAKLUMAT PALSU KELAHIRAN BAYI</b>                                                                                                                                                   |               |
|     | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/penuntut-wanita-beri-maklumat-palsu-kelahiran-bayi/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/penuntut-wanita-beri-maklumat-palsu-kelahiran-bayi/</a> | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                           | SUMBER         |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| 8   | <b>MODUL BAHARU KURSUS PRAPERKAHWINAN ELAK PERANGKAP NERAKA PERKAHWINAN</b>                                                                                                                                                                                                       |                |
|     | <a href="https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/03/1218383/modul-baharu-kursus-praperkahwinan-elak-perangkap-neraka-perkahwinan">https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/03/1218383/modul-baharu-kursus-praperkahwinan-elak-perangkap-neraka-perkahwinan</a> | BHARIAN.COM.MY |



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M



UKK KPWK M

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/3/2024

| BIL | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                 | SUMBER        |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 9   | <b>UNFPA, UIS, YAYASAN KUIS KERJASAMA SELAMAT MANGSA KEGANASAN</b>                                                                                                                                                                      |               |
|     | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1065744/unfpa-uis-yayasan-kuis-kerjasama-selamat-mangsa-keganasan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1065744/unfpa-uis-yayasan-kuis-kerjasama-selamat-mangsa-keganasan</a> | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | SUMBER              |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| 10  | <b>PENINGKATAN KES ROGOL BAWAH UMUR: SAIFUDDIN BIDAS AHLI PARLIMEN SIK</b>                                                                                                                                                                                                                                  |                     |
|     | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/01/peningkatan-kes-rogol-bawah-umur-saifuddin-bidas-ahli-parlimen-sik/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/01/peningkatan-kes-rogol-bawah-umur-saifuddin-bidas-ahli-parlimen-sik/</a>                                                                               | KOSMO.COM.MY        |
|     | <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/01/kelantan-has-the-highest-number-of-cases-of-underage-rape-saifuddin-tells-pas-mp/120864">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/01/kelantan-has-the-highest-number-of-cases-of-underage-rape-saifuddin-tells-pas-mp/120864</a>         | MALAYMAIL.COM       |
|     | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/652224/berita/semasa/peningkatan-kes-rogol-bawah-umur-saifuddin-bidas-ahli-parlimen-sik#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/652224/berita/semasa/peningkatan-kes-rogol-bawah-umur-saifuddin-bidas-ahli-parlimen-sik#google_vignette</a> | SINARHARIAN.COM.MY  |
|     | <a href="https://malaysiagazette.com/2024/03/01/mgnews-peningkatan-kes-rogol-bawah-umur-saifuddin-sanggah-kenyataan-ahli-parlimen-sik/">https://malaysiagazette.com/2024/03/01/mgnews-peningkatan-kes-rogol-bawah-umur-saifuddin-sanggah-kenyataan-ahli-parlimen-sik/</a>                                   | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA                                                                                                                                                                                                                         | SUMBER             |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|
| 11  | <b>DOKTOR CABUL PEKERJA DIREMAN 3 HARI</b>                                                                                                                                                                                      |                    |
|     | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1065800/doktor-cabul-pekerja-direman-3-hari">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1065800/doktor-cabul-pekerja-direman-3-hari</a>                                     | HMETRO.COM.MY      |
|     | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/652227/berita/semasa/doktor-disyaki-cabul-pembantu-klinik-ditahan">https://www.sinarharian.com.my/article/652227/berita/semasa/doktor-disyaki-cabul-pembantu-klinik-ditahan</a> | SINARHARIAN.COM.MY |
|     | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/01/doktor-miang-ditahan-cabul-pekerja-klinik/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/01/doktor-miang-ditahan-cabul-pekerja-klinik/</a>                                                     | KOSMO.COM.MY       |
|     | <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/doktor-ditahan-disyaki-cabul-pekerja-460480">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/doktor-ditahan-disyaki-cabul-pekerja-460480</a>                                     | ASTROAWANI.COM     |
|     | <a href="https://www.malaysiakini.com/news/697906">https://www.malaysiakini.com/news/697906</a>                                                                                                                                 | MALAYSIAKINI.COM   |
|     | <a href="https://thesun.my/cerita/doktor-ditahan-disyaki-cabul-pekerja-GE12162206">https://thesun.my/cerita/doktor-ditahan-disyaki-cabul-pekerja-GE12162206</a>                                                                 | THESUN.MY          |



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




MALAYSIA  
MADANI

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/3/2024

| BIL | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                     | SUMBER         |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| 12  | <b>SAFE SPORTS CODE PROGRAMME TO ERADICATE ABUSE IN SPORTS</b>                                                                                                                                                                              |                |
|     | <a href="https://www.nst.com.my/sports/others/2024/02/1019549/safe-sports-code-programme-eradicate-abuse-sports">https://www.nst.com.my/sports/others/2024/02/1019549/safe-sports-code-programme-eradicate-abuse-sports</a>                 | NST.COM.MY     |
|     | <a href="https://www.astroawani.com/berita-sukan/kod-sukan-selamat-tiada-lagi-isu-disembunyikan-bawah-karpet-isn-460337">https://www.astroawani.com/berita-sukan/kod-sukan-selamat-tiada-lagi-isu-disembunyikan-bawah-karpet-isn-460337</a> | ASTROAWANI.COM |



## FAMILIES AND GLOBAL MEGATRENDS FORUM IDEAL PLATFORM FOR KPWKM TO EMULATE BEST PRACTICES FROM ABROAD - NANCY



Credit: FB Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat KPWKM

29/02/2024 11:53 PM

PUTRAJAYA, Feb 29 (Bernama) – The International Forum on Families and Global Megatrends serves as the best platform for the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) to emulate the practices of foreign countries in facing the challenges of global megatrends that affect family institutions.


Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the forum, which was held for the first time in Malaysia, brought together experts from several countries including South Korea, Thailand, Japan, India, China and Nepal covering various fields such as demography, family, climate change, and reproductive health.

"I believe programmes like this need to be held regularly because they encourage us to gain ideas and learn from others about the topics discussed (the impact of global megatrends on family institutions)," he told reporters after officiating the closing ceremony of the forum here today.

The International Forum on Families and Global Megatrends was held in conjunction with the 30th International Day of Families, organised by the United Nations, the Department of Economic and Social Affairs, the International Federation for Family Development (IFFD) and the Doha International Family Institute (DIFI).

Commenting on global megatrends such as migration, climate change, urbanisation, technological advancements and demographic transitions, Nancy said they significantly influenced and impacted family institutions worldwide, including in Malaysia.

She noted that these changes required adjustments in caregiving arrangements, continuously updated financial planning, and guidance for families to adapt and play their roles effectively.



## IPD Seremban bantu pesara polis hidup gelandangan

Oleh Ahmad Hasbi - Mac 1, 2024 @ 3:09pm  
bhnews@bh.com.my



Pesara polis yang tular kerana hidup gelandangan di sebuah premis rumah kedai di Seremban Jaya, Senawang, di sini, dibantu polis dari Ibu Pejabat Daerah (IPD) Seremban, semalam. - Foto PDRM

SEREMBAN: Pesara polis yang tular kerana hidup gelandangan di sebuah premis rumah kedai di Seremban Jaya, Senawang, di sini, dibantu polis dari Ibu Pejabat Daerah (IPD) Seremban, kelmarin.

Difahamkan, warga emas berusia 62 tahun itu tinggal bersendirian di rumah kedai usang dalam keadaan tidak terurus dan kotor sejak lebih tiga bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Mohd Hatta Che Din berkata, sepasukan pegawai polis IPD Seremban turun padang ke lokasi pesara polis berkenaan dilaporkan tinggal bagi menyemak kesahihan kejadian yang tular itu, kelmarin.

"Sebelum ini tular di media sosial melaporkan seorang pesara polis hidup terbiar di sebuah rumah kedai. Berdasarkan laporan itu, kami menziarahi lelaki berkenaan.

"Selepas tiba dan hasil semakan mendapati memang benar warga emas itu pesara polis. Tempat terakhir beliau bertugas di dalam daerah Seremban," katanya.

Beliau berkata, antara yang ke lokasi adalah Ketua Bahagian Pengurusan Daerah (KBPD) Seremban, Deputy Superintendan Khairi Jamaludin; Ketua Polis Balai Paroi, Sarjan Mejar Rahman Wasis dan Timbalan Ketua Polis Balai Senawang Sarjan Mejar Mohd Iskandar Adam.


Jelas Mohd Hatta lagi, berdasarkan temubual dengan warga emas itu, pihaknya dimaklumkan lelaki berkenaan menghadapi masalah peribadi dengan keluarganya.

"Hasil temubual juga, pesara ini memaklumkan sudah tinggal di rumah kedai itu sejak tiga bulan. Namun, berdasarkan isu yang tular dan keadaan di lokasi, kami mendapati dia tinggal di situ dalam tempoh masa yang lebih lama.

"Kami difahamkan juga, sebelum pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Seremban pernah membantu pesara ini, namun dia enggan dan berkeras tidak mahu dibantu.

"Justeru, antara usaha yang kami lakukan semalam (kelmarin) adalah dengan memujuknya supaya ditempatkan sementara waktu di bawah JKM. Sekiranya ada waris yang mahu ambil, kita serahkan kepada waris," katanya.

Ulasnya lagi, ada aduan yang mengatakan warga emas itu tidak mendapat wang pencennya atas beberapa faktor, namun sudah meminta Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) untuk menyemaknya.



## Rumah reput jadi tempat tinggal pasangan OKU

Oleh NORUL AKMA MOHD.ZAIN | 1 Mac 2024, 9:35 am



Keadaan rumah didiami Roslan dan isterinya, Laseah (gambar kecil) yang rosak dimakan anai-anai di Kampung Bukit Kechil, Juru.

SEBERANG PERAI – Sepasang suami isteri yang juga orang kelainan upaya (OKU) dan uzur memerlukan bantuan orang ramai untuk membaiki rumah mereka yang reput akibat dimakan anai-anai di Kampung Bukit Kechil, Juru di sini.

Pasangan itu, Roslan Mat, 68 dan isterinya, Laseah Hashim, 64, tinggal di rumah kayu dua tingkat tersebut bersama anak lelaki, Mohd. Muzamir Shahril, 29, yang juga OKU pembelajaran.

Roslan berkata, kediaman yang didiami sejak 60 tahun lalu itu mula mereput sejak tahun 2021 terutama di tingkat atas.

"Sebelum ini, ada jiran dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bukit Kechil Juru membantu membaiki rumah ini, namun tidak banyak (yang dibaiki).

"Bahagian atas (papan sepenuhnya) sudah tidak boleh didiami lagi disebabkan anai-anai bersarang. Yang kami bimbang sekiranya musim hujan atau ribut.

"Saya risau jika bumbung atau bahagian lantai (tingkat atas) yang reput menghempap kami. Saya dan isteri sudah tua dan uzur," katanya ketika ditemui di rumahnya baru-baru ini.



Roslan dan isterinya ketika ditemui di rumah mereka baru-baru ini.

Bapa empat anak itu memberitahu, dia sudah tidak mempunyai kudrat untuk bekerja kerana kehilangan kaki kanan akibat kencing manis pada 2015. Laseah pula menghidap penyakit buah pinggang dan menjalani rawatan dialisis setiap minggu.

"Sejak kaki dipotong, hidup ini bagaikan kelayan bukan sahaja tidak dapat bekerja, malah tidak bebas bergerak seperti sebelum ini. Segala perbelanjaan bergantung kepada duit zakat RM450, Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM300 serta pencen RM200.

"Anak-anak pula sudah berkeluarga. Saya faham situasi kewangan mereka," katanya.

Pasangan itu turut menerima kunjungan MPKK Bukit Kechil Juru yang diwakili Pengerusinya, Hashim Din.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyumbang ke akaun Maybank milik Roslan bernombor **1020 3672 2698**.

## Kementerian akan lebih agresif tambah rakan strategik KGC tahun ini: Fatimah

© 2024-03-01T15:53:15+08:00



Fatimah (dua kiri) menyampaikan plak rakan strategik KGC kepada Leong (tiga kiri) sambil diperhatikan oleh Tang (kiri) dan Rohana.

SIBU: Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak akan lebih agresif mencari serta menambah rakan strategik Kenyalang Gold Card (KGC) pada tahun ini.

Menterinya Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, KGC merupakan satu inisiatif kerajaan negeri yang membolehkan pihak swasta, badan korporat, syarikat, pasar raya dan kedai yang ingin menawarkan diskaun atau rebat ke atas produk dan perkhidmatan mereka kepada pemegang kad.

"Oleh itu, kita mahu menambah rakan strategik supaya kad ini dapat digunakan dengan lebih menyeluruh lagi," ujarnya ketika berucap pada majlis penyampaian plak rakan strategik KGC kepada Win Hotel di sini, hari ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat itu yakin banyak yang mahu menjadi rakan strategik KGC tetapi mereka tidak tahu bagaimana untuk memohon, di mana permohonan boleh dibuat secara manual dengan mendapatkan borang di Jabatan Kebajikan Masyarakat atau mengisi borang secara dalam talian.

Di Bahagian Sibu katanya, kini terdapat sebanyak 40 rakan strategik yang menawarkan pelbagai kesitimewaan kepada pemegang kad, dengan 471 rakan strategik di seluruh Sarawak.

"Di Sibu, terdapat seramai 37,930 pemegang KGC daripada jumlah keseluruhan sebanyak 273,979 pemegang KGC," jelasnya sambil menambah, KGC boleh dipohon oleh semua warga emas Sarawak yang berumur 60 tahun dan ke atas.

Sebagai rakan strategik yang baharu katanya, Win Hotel menawarkan kadar korporat bagi kadar harga bilik yang tersedia di hotel terbabit.

Selain Win Hotel, rakan strategik di Sibu adalah Sibu Specialist Medical Centre, Ban Siew Casket, 20dB Hearing Sdn Bhd dan banyak lagi.

Menyentuh mengenai pindaan Bantuan Ihsan Kematian (BIK) yang disalurkan kepada pemegang KGC, Fatimah berkata pindaan itu nanti diharap dapat memberi manfaat yang lebih kepada pemegang kad semasa mereka masih hidup.

"Kita telah menyemak semula bantuan dan dengan kelulusan kerajaan negeri, diharap dapat bermula tahun ini. Kita akan bermula dari kumpulan B40, di mana ia akan memberi faedah perubatan kepada mereka.

"Apabila pemegang KGC ini pergi ke panel kesihatan kita untuk mendapatkan rawatan, bayaran rawatan akan terus ditolak daripada jumlah yang diberikan kepada pemegang kad," jelasnya sambil menambah had bantuan untuk satu tahun akan ditetapkan nanti.

Menurut Fatimah, ini bermakna bila pemegang kad masih hidup, mereka boleh menggunakan KGC untuk mendapatkan rawatan kesihatan di klinik dan hospital swasta supaya mereka tidak perlu beratur untuk mendapatkan rawatan kesihatan di hospital kerajaan.

Difahamkan, BIK yang berjumlah RM3,000 itu akan dikurangkan dan disalurkan kepada pemegang kad untuk mendapatkan rawatan kesihatan terbabit.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengurus Win Hotel Desmond Leong, Ketua Cawangan Bantuan Kesejahteraan Sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak Rohana Isnawi serta Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian Sibu Tang Kee Lee.

## Kerajaan Sarawak terus berusaha perkasa ekonomi wanita: Fatimah

© 2024-03-01T15:55:17+08:00



Fatimah (tiga kiri) menyampaikan Geran Modal Pemerkasaaan Wanita Sarawak berjumlah RM276,158.50 kepada wakil penerima dari Bahagian Sib, Christina Lalang Raymond sambil disaksikan oleh Salmah (dua kiri) serta yang lain.

SIBU: Kerajaan Sarawak terus berusaha memperkasakan ekonomi wanita di negeri ini, kata Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah.

Menurutnya, kenaikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) daripada 6 peratus kepada 8 peratus bermula hari ini turut akan dirasai oleh golongan B40 khususnya.

"Seperti kita sedia maklum bahawa SST hari ini telah dinaikkan, (kalau) pergi kita ke kedai makan, beli barang, kosnya naik.

"Inilah satu perkara yang perlu kita atasi, kos barang yang kita perlukan untuk seharian, terutama makanan keperluan, naik harga, tidak pandai turun," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Jelajah Kerjaya Wanita Sarawak Siri 1/2024 Bahagian Sib yang berlangsung di Pintu Gerbang Sib, hari ini.

Hadir sama ialah Pengarah Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) Salmah Jobeli.

Fatimah berkata, golongan B40 akan terkesan dengan kenaikan kadar SST itu kerana pendapatan mereka tidak setimpal dengan kenaikan harga barang.

"Kumpulan B40 terutamanya banyak itu sahaja gaji. Tapi barang makin naik, macam tak seimbang.

"Sebab itulah kami di JWKS mahukan wanita kita di Sarawak memperkasakan ekonomi rumah tangga supaya kumpulan B40 yang mempunyai pendapatan tidak menentu akan dibantu.

"Mereka perlu makan dan berbelanja tapi kosnya makin tinggi," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat.

Fatimah berkata, secara asasnya itulah kenapa kerajaan mahu memperkasakan ekonomi wanita.

Justeru, beliau mengalakkan wanita yang mempunyai kemahiran supaya memanfaatkannya untuk memperkasakan ekonomi masing-masing.

"Cari jalan, di mana ada kemahiran gunakannya. Kami daripada pihak jabatan atau kementerian mempunyai geran kerajaan untuk membantu anda, kita salurkan kepada wanita-wanita ini.

"Kita ada menyediakan banyak bantuan untuk membantu anda meningkatkan ekonomi," tegasnya sambil menjelaskan antara bantuan yang disediakan kerajaan ialah Bantuan Ketua Isi Rumah Wanita Sarawak (KIRWaS), pembiayaan Caruman Minimum i-SURI dan Geran Modal Pemerkasaaan Wanita Sarawak.

Menyentuh mengenai KIRWaS dan Geran Modal Pemerkasaaan Wanita Sarawak, Fatimah memberitahu, masing-masing terdapat seramai 43 dan 143 orang penerima di Bahagian Sib.

Sementara itu, Fatimah berharap program itu akan memberi manfaat besar kepada peserta dan penglibatan wanita akan meningkatkan kedudukan ekonomi mereka sekali gus memastikan perniagaan yang diceburi diuruskan dengan baik dan berdaya tahan.

"Bagi mencapai tujuan tersebut, penganjuran program ini melibatkan beberapa komponen iaitu komponen pertama pelesenan perniagaan yang melibatkan agensi pendaftar dalam membantu mendaftarkan perniagaan usahawan wanita agar dapat dijalankan dengan sah.

"Komponen kedua pula melibatkan agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang menawarkan pelbagai perkhidmatan, bantuan, geran dan pinjaman perniagaan bagi membantu usahawan wanita menambah modal dan menambah baik peralatan perniagaan dalam menjana pendapatan lebih tinggi.

"Manakala komponen ketiga adalah latihan keusahawanan digital bagi meningkatkan kemahiran keusahawanan wanita Sarawak," tambahnya.



## JHEWA Santuni 3,631 Wanita

By Sabah News - 01/03/2024 0



Haslina (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Shahlemey (dua dari kanan) tanda terima kasih menyempurnakan majlis tersebut ( Sumber Foto: Ihsan Jabatan Penerangan Sabah )

PUTATAN, SABAH – Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) berjaya menyantuni seramai hampir 3,631 wanita di negeri ini melalui Program Outreach Santuni Wanita.

Timbalan Ketua Menteri III, Datuk Shahlemey Yahya berkata, program berkenaan ini merupakan kesinambungan inisiatif baharu sektor modal insan dan kesejahteraan rakyat bagi tahun 2021 hingga 2025 di bawah Pelan Sabah Maju Jaya (SMJ).

***“Sepanjang program ini dilaksanakan bermula tahun 2021 sehingga 2023, JHEWA telah menyantuni seramai hampir 3,631 orang melibatkan 39 kes dari seluruh pelusuk negeri Sabah.***

***“JUMLAH TERSEBUT MENUNJUKKAN PROGRAM INI SANGAT SIGNIFIKAN KEPADA MASYARAKAT KERANA MELIBATKAN ASPEK KEUSAHAWANAN, SOSIAL, PENGUPAYAAN EKONOMI SERTA PERUNDANGAN.***

***“Tujuan utama program ini diadakan adalah bagi merealisasikan hasrat kerajaan dalam usaha membantu rakyat mendapatkan pelbagai perkhidmatan daripada jabatan kerajaan seperti JHEWA serta agensi-agensi yang terlibat di kawasan yang dianjurkan.***

***“Sejak November 2021, program ini menjadi wadah penyampaian perkhidmatan serta perkongsian ilmu yang sangat efektif dalam usaha untuk memperkasakan golongan wanita serta masyarakat agar terus relevan dan menepati keperluan semasa,” katanya semasa menyempurnakan Penutupan Program Outreach Santuni Wanita di Dewan Sri Putatan, pada Khamis.***


Shahlemey yang juga Ahli Parlimen Putatan memaklumkan program tersebut merupakan antara usaha kerajaan dalam membendung masalah seperti perceraian, perebutan hak penjagaan anak dan keganasan rumah tangga dari terus menyelubungi masyarakat.

***“Program ini turut memberi pencerahan ilmiah atau bantuan khidmat nasihat perundangan menerusi klinik guaman serta slot literasi perundangan yang telah dijalankan sebentar tadi.***

***“Oleh itu, saya nasihatkan semua untuk mengambil peluang yang ada dalam memanfaatkan perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta dengan sebaiknya,”*** tambahnya.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada JHEWA kerana memilih Putatan sebagai lokasi pertama untuk mengadakan program berkenaan pada tahun ini dan berharap ianya akan diteruskan ke kawasan-kawasan yang lain.

Hadir sama, Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, Datuk Flovia Ng, Pengerusi Qhazanah Technology Sdn Bhd, Datuk Awang Ahmad Sah dan Pengarah JHEWA, Haslina Ismail. — **JABATAN PENERANGAN SABAH**



## Penuntut wanita beri maklumat palsu kelahiran bayi



HANYAN RAMLAN

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN | 1 Mac 2024, 6:23 pm

**KEMAMAN:** Gara-gara malu dan takut diketahui keluarga kerana melahirkan bayi luar nikah, seorang penuntut wanita salah sebuah universiti awam di Kuala Nerus, sanggup memberi maklumat palsu mengenai kelahiran bayi lelakinya, hari ini

Ketua Polis Daerah Kemaman Superintenden Hanyan Ramlan berkata, penipuan suspek berusia 22 tahun itu terbongkar apabila doktor di Klinik Kesihatan Kerteh membuat laporan polis selepas mendapati wanita itu memberi maklumat yang meragukan ketika membuat rawatan di klinik itu.

“Wanita tersebut ditemani kakaknya, datang ke klinik untuk membuat rawatan berikutan dia mengalami pendarahan melahirkan bayinya, namun tidak membawa bayinya ke klinik tersebut.

“Suspek memberitahu dia telah melahirkan bayi lelakinya di Kerteh kira-kira pukul 2 pagi tadi,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Hanyan berkata, bagaimanapun, selepas disoal siasat polis, suspek mengaku telah bersalin dalam sebuah tandas di sebuah rumah di Paka, Dungun sebelum ditemui kakaknya.

“Suspek pada awalnya menipu alamat sebenar lokasi kejadian kerana takut diketahui ibu bapanya yang merupakan pengamal perubatan,” katanya.

Menurutnya, bayi yang dibalut dengan kain putih yang diselaputi pasir itu kemudiannya dibawa ke klinik untuk dirawat namun telah meninggal dunia.

“Hasil siasatan awal juga mendapati, suspek mengaku masih belum berkahwin dan pernah melakukan hubungan terlarang dengan teman lelakinya tahun lalu.

“Suspek kini sedang menerima rawatan di Hospital Kemaman dan bayi tersebut dibawa ke Unit Forensik hospital sama untuk tindakan lanjut,” katanya.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 182 Kanun Keseksaan kerana memberi maklumat palsu dan siasatan lanjut akan dilakukan Ibu Pejabat Polis Daerah Dungun. – UTUSAN



## Modul baharu kursus praperkahwinan elak perangkap neraka perkahwinan

Oleh Dr Nurfarhana Che Awang - Mac 1, 2024 @ 1:39pm  
bhrencana@bharian.com.my



Foto hiasan

Statistik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) melaporkan 45,420 kes perceraian direkodkan di negara ini pada 2021, manakala punca utamanya dikenal pasti ialah tiada persefahaman, faktor kewangan, pasangan curang dan keluarga masuk campur urusan rumah tangga.

Statistik ini menunjukkan kegusaran kepada keutuhan institusi kekeluargaan dan semestinya lebih banyak isu perceraian ingin dibawa ke mahkamah syariah oleh pasangan terperangkap dalam neraka perkahwinan, khususnya mereka terabit dengan isu penderaan atau keganasan rumah tangga tetapi tiada keupayaan berbuat demikian.

Apatah lagi dari konteks isu perceraian membabitkan penderaan mental amat sukar diluahkan isteri kerana isu penderaan mental dalam perkahwinan sering dipandang enteng pelbagai pihak masyarakat dan pihak berwajib.

Jika kes dilaporkan, keadaan ini menyebabkan mangsa mungkin akan kekal dan terperangkap dalam neraka perkahwinan akibat pelbagai faktor, terutama kerenah birokrasi mahkamah syariah yang sering didakwa sebagai prolelaki dalam urusan permohonan cerai daripada pihak wanita serta tiada kesedaran pihak berwajib terhadap penderaan mental dalam kalangan isteri.

Faktor lain juga menyebabkan mangsa tidak berupaya keluar daripada neraka perkahwinan adalah disebabkan kegusaran dan kebimbangan terhadap keselamatan diri mereka, tiada sokongan moral, tekanan budaya daripada norma sosial masyarakat terhadap status janda.

Kesannya, isu kompleks berlegar di ruangan minda mereka menjejaskan pelbagai aspek kesejahteraan wanita dari sudut fizikal, mental dan psikologikal individu terperangkap dalam keganasan rumah tangga.

Keganasan rumah tangga boleh ditakrifkan sebagai penyalahgunaan kuasa dalam perhubungan intim antara individu biasanya lelaki yang mencuba untuk mengawal dan mendominasi pasangannya umumnya wanita.

Penyalahgunaan kuasa tidak hanya berlaku secara fizikal, bahkan dalam bentuk seksual, ekonomi dan psikologi yang menjadikan wanita berasa lemah serta tidak berdaya, selain sering berada dalam ketakutan.

Ditambah pula faktor budaya masyarakat Malaysia mengamalkan sistem patriarki seolah-olah membenarkan dan menormalisasikan dominasi lelaki terhadap wanita hingga masyarakat tidak dapat membezakan ia adalah suatu bentuk penderaan dilakukan suami.

Dalam memahami lebih terperinci isu keganasan rumah tangga, konteks ini harus difahami dari konsep 'keganasan' itu tersendiri. Definisi keganasan merujuk kepada kekejaman atau penganiayaan sama ada dalam bentuk penganiayaan fizikal, mental, seks atau pengabaian tanggungjawab.

Dari perspektif Islam pula, keganasan atau penganiayaan suami digelar sebagai 'nusyuz', jika suami menahan hak isteri dari konteks nafkah batin, tidak berlaku adil dalam giliran, meninggalkan isteri, mengugut atau memukul isteri tanpa sebab.

Dari konteks Akta Rumahtangga 1994, Seksyen 2 'Keganasan Rumahtangga' tertakluk kepada konteks berikut:

- 1) Secara sengaja atau disedari meletakkan mangsa dalam ketakutan kecederaan fizikal.
- 2) Memaksa mangsa dengan ancaman melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan berbentuk seksual atau selainnya yang mangsa itu tidak berhak untuk melakukannya.
- 3) Melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan harta benda.

Kebanyakan keganasan atau penderaan rumah tangga terhadap isteri terjadi dalam bentuk keganasan fizikal dan psikologi, kadangkala mangsa tidak pasti sama ada mereka menjadi mangsa penderaan keganasan rumah tangga.

Padahal keganasan rumah tangga bukan sahaja dari konteks keganasan fizikal, bahkan aspek penderaan mental dan boleh melangkainya misalnya suami sentiasa mengkritik kebolehan isteri, mengugut mencederakan pasangannya, ahli keluarga, binatang kesayangan atau peliharaan, sahabat atau diri sendiri.

Juga marah tanpa sebab, mengugut dan mengancam, menghina, memalukan dan memandang rendah kepada isteri di khalayak ramai, menjalankan hubungan seks secara paksa yang kesemua itu tanda isteri menjadi mangsa penderaan keganasan rumah tangga.

### Faktor keganasan

Semua tanda itu ialah simptom tingkah laku asas pendera tidak kira dari konteks fizikal mahupun psikologi. Faktor jelas terjadi keganasan rumah tangga dalam perkahwinan boleh dilihat pertamanya dari konteks personaliti suami.

Ini kerana lelaki sering sahaja menganggap mereka sebagai dominan terhadap wanita menyebabkan merasakan boleh memperlakukan apa sahaja terhadap isteri yang dikaitkan dengan budaya sistem patriarki.

Kedua, menggunakan ancaman ekonomi terhadap isteri, menghalang atau mencegah daripada memiliki kebebasan ekonomi, sekali gus menjadi antara alat mengawal dan mendera isteri.

Ketiga, faktor kesan psikologi suami semasa zaman kanak-kanak mengalami trauma dan menjadi alasan kepada suami untuk membenarkan penderaan dilakukan kepada isteri atas dasar pencemaran pencernaan mesej daripada apa dihadapinya hingga menganggap isteri perlu menerima hukuman.

Kesannya, dari aspek penderaan dan keganasan rumah tangga terhadap isu kesihatan fizikal mangsa atau isteri berkemungkinan mengalami kecederaan fizikal dan mentalnya.

Misalnya sakit kronik akibat penderaan, gangguan emosi dan gangguan tidur apabila mangsa mengalami emosi negatif seperti ketakutan, kebimbangan, kemurungan serta perasaan tidak berdaya.

Paling teruk, mangsa akan bergelut dengan harga diri dan keyakinan diri rendah akibat penderaan emosi dialami, selain mengalami Gangguan Stress Pascatrauma (PTSD) dan gangguan psikologi lain seperti mengalami imbas kembali yang menyukarkan mangsa memberi tumpuan dalam hal seharian.

Bahkan, isu pengasingan diri turut terjadi kepada mangsa apabila pendera sentiasa mengasingkannya daripada rakan, keluarga dan rangkaian sosial hingga berasa terasing secara sosial dan hanya mampu bergantung kepada pendera semata.

Kesan kes penderaan dan keganasan rumah tangga sangat besar terhadap psikologikal mangsa khususnya. Oleh itu, kefahaman dan kesedaran dalam mengangkat kefahaman dalam membendung serta mengurangkan kes keganasan rumah tangga sangat penting terutama supaya pihak berkuasa mengambil langkah proaktif melindungi institusi kekeluargaan dan perkahwinan daripada terjerumus ke neraka perkahwinan yang berakhir dengan perceraian.

Antara aspek perlu dititikberatkan dalam mengelakkan perkahwinan menjadi medan buli dan penderaan. Penelitian dan pengolahan kembali modul praperkahwinan mesti dilaksanakan pihak penggubal dasar dalam memastikan modul ditambah baik sejajar keperluan dan kesesuaian zaman agar kekal relevan kepada bakal pengantin.

Antaranya, pihak berwajib boleh mengutarakan keperluan kursus pemeriksaan psikologi terhadap bakal pengantin dalam mengetahui tahap awal kesihatan mental setiap bakal pengantin sebelum melangkah ke gerbang perkahwinan.

Malah, saranan kedua untuk pihak berwajib pertimbangan dalam modul-kursus perkahwinan dengan memperkenalkan kursus pengurusan mental dan emosi; modul ini akan membantu pasangan menguruskan emosi dan mental apabila berhadapan tekanan selepas memasuki gerbang perkahwinan.

Ini kerana kegagalan dalam menguruskan mental dan menstabilkan emosi menyumbang kepada isu penderaan domestik. Modul pengurusan emosi dan mental adalah amat penting dalam mengelakkan pendera melakukan penderaan.

Hakikatnya, ilmu pengurusan emosi dan mental akan membantu pendera untuk mengawal diri, sekali gus mampu mengurangkan penderaan, penganiayaan dalam rumah tangga dan mampu mengelakkan pendera terabit dengan perbuatan jenayah.

**Penulis adalah Ketua Sekretariat Penyelidikan, Pertubuhan Naratif Malaysia**



## UNFPA, UIS, Yayasan Kuis kerjasama selamat mangsa keganasan

Sudirman Mohd Tahir  
sudirman@hmetro.com.my



Kuala Lumpur: United Nations Population Fund Malaysia (UNFPA) bekerjasama dengan Universiti Islam Selangor (UIS) dan Yayasan KUIS menyelamatkan mangsa keganasan rumah tangga dengan membiayai pendidikan anak-anak mangsa.

Kerjasama itu juga turut memberi fokus kepada inisiatif lain sebagai usaha pemerdayaan keluarga.

Wakil Negara UNFPA Malaysia Dr Asa Torkelsson berkata, menangani keganasan berasaskan jantina memerlukan pendekatan pelbagai serampang.

\*Menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM), peningkatan bilangan kes keganasan rumah tangga di Selangor sebanyak 4,690 berlaku hanya dalam tempoh 2020 hingga Ogos 2023.

\* Tepat pada masanya, UNFPA memainkan peranan terhadap lebih 150 negara dan wilayah untuk membantu dan mengurangkan keganasan yang berasaskan jantina.

\*Kerjasama ini membuka jalan terhadap penyelesaian inovatif melalui 'Perpetual Orange Fund' dan 'Work Kafalah Program'. Langkah intervensi ini disokong dengan pembangungan dana dan program yang bertujuan untuk menyumbang kepada keselamatan, pemulihan dan pemberdayaan individu yang terjejas oleh keganasan rumah tangga.

\*'Perpetual Orange Fund, yang dikendalikan bersama oleh UNFPA Malaysia dan Yayasan KUIS adalah program biasiswa yang disokong oleh dana permulaan daripada kedua-dua pihak bertujuan menyokong pendidikan tinggi untuk anak-anak mangsa keganasan rumahtangga,' katanya.


Menurutnya, menerusi program Work Kafalah pula adalah program kerjasama antara UNFPA Malaysia dan Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCEIF) di UIS, bertujuan untuk memperkasakan mangsa yang terselamat dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan.

Menurutnya, ia sebagai sokongan untuk membina dan mendapatkan kembali kawalan terhadap kehidupan mereka melalui pemberdayaan ekonomi dan celik kewangan.

Sementara itu, Naib Canselor UIS Datuk Profesor Madya Dr Mohd Farid Ravi Abdullah berharap supaya program kesedaran mengenai pemberdayaan mangsa keganasan rumah tangga yang terselamat ini akan membawa impak positif kepada kehidupan mereka.

Pada majlis itu turut diadakan forum bertajuk Peranan Kewangan Sosial Islam dalam Memberdayakan Mangsa Keganasan Rumahtangga.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Datuk Hasanuddin Mohd Yunus, yang menyampaikan ucapan perasmian pada bagi pihak Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama Senator Dr Zulkifli Hassan.



## Peningkatan kes rogol bawah umur: Saifuddin bidas Ahli Parlimen Sik

Oleh KAMARIAH KHALIDI | 1 Mac 2024, 6:46 pm



Saifuddin pada sidang akhbar di Putrajaya, hari ini. -Foto FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA – Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail membidas kenyataan dikeluarkan Ahli Parlimen Sik, Ahmad Tarmizi Sulaiman di Dewan Rakyat baru-baru ini yang mendakwa peningkatan kes membabitkan jenayah rogol bawah umur adalah didorong oleh kelemahan dan kegagalan undang-undang sivil.

Beliau secara tegas menyelar tindakan ahli Parlimen terbabit yang hanya memetik sebahagian daripada taklimat disampaikan oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Shuhaily Mohd. Zain.

Jelasnya, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, Kelantan merupakan antara negeri yang merekodkan kes jenayah seksual tertinggi.


"Dalam ucapannya di Parlimen, dia kata peningkatan salah laku ke atas jenayah seksual kanak-kanak ini berpunca daripada kegagalan undang-undang yang ada sekarang sebab tak dilaksanakan enakmen syariah.

"Kanun Jenayah Syariah ini dibuat di Kelantan, tapi Kelantan antara kes paling tinggi di Malaysia. Di Kelantan kes meningkat, di Kedah dan Terengganu meningkat (namun) di Pulau Pinang menurun, ini perbandingan data tahun 2022 dengan 2023," katanya menerusi sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas rakaman ucapan Ahmad Tarmizi di Dewan Rakyat yang tular baru-baru ini di media sosial berkenaan peningkatan kes rogol bawah umur serta mengaitkan dengan kelemahan dan kegagalan undang-undang sivil.

Menerusi rakaman itu, Ahmad Tarmizi turut menyebut supaya undang-undang syariah di negeri-negeri perlu diberikan ruang untuk dilaksanakan dengan sebaiknya.

Dalam pada itu, beliau turut menasihati Ahmad Tarmizi agar tidak memetik sebarang kenyataan secara tidak lengkap atau bersikap menuding jari kepada mana-mana pihak. – KOSMO! ONLINE



## Doktor cabul pekerja direman 3 hari

Abnor Hamizam Abd Manap  
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Jempol: Seorang doktor sebuah klinik swasta di sini ditahan polis selepas mencabul seorang wanita yang juga pekerja di klinik miliknya.

Ketua Polis Daerah Jempol Superintendan Hoo Chang berkata suspek berusia 36 tahun ditahan selepas polis menerima laporan dibuat mangsa berusia 26 tahun.

Katanya, mangsa membuat laporan pada jam 6 petang kelmarin yang mendakwa dicabul oleh doktor berkenaan.

"Hasil siasatan mendapati mangsa merupakan pembantu klinik yang sudah bekerja sejak sebulan lalu dan mendakwa dicabul di dalam bilik rehat selepas waktu bekerja.


"Siasatan polis juga mendapati kejadian itu bukan kali pertama berlaku berikutan pada pada 19 dan 24 Februari lalu mangsa pernah dicabul oleh suspek sehingga menyebabkan mangsa mengalami trauma," katanya dalam kenyataan hari ini.

Hoo berkata mangsa yang mengadu kepada keluarganya kemudian membuat laporan polis dan keterangan saksi sudah diambil.

Katanya, suspek ditahan pada jam 12 tengah hari semalam di sekitar Jempol dan direman selama tiga hari bermula hari ini hingga Ahad bagi membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan dan polis sedang melengkapkan siasatan sebelum dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Disiarkan pada: Mac 1, 2024 @ 5:00pm



## Safe Sports Code programme to eradicate abuse in sports

By Farah Azharie - February 29, 2024 @ 9:07pm



Sports Minister Hannah Yeoh said the Sports Ministry will ensure that the Safe Sports Code is extended to grassroots level, including schools. STR/HAZREEN MOHAMAD

KUALA LUMPUR: Incidentally, days after a police report was lodged against a swimming coach for alleged sexual misconduct, the National Sports Institute (NSI) held its first Safe Sports Code seminar in Bukit Jalil today which was officiated by Sports Minister Hannah Yeoh.

The objective of the programme is to establish a sport environment that is free of sexual harassment, bullying, psychological and physical abuse.

The seminar was a collaboration between the Sports Ministry and the Women, Family and Community Development Ministry.

Among those in attendance were NSI chief executive officer Ahmad Faedzal Ramli, Malaysia Social Institute director Dr Faridah Awang, former bowler Syaidatul Afifah Badrul Hamidi, ex-pole vaulter Roslinda Samsu and national shooter Johnathan Wong.

Yeoh said: "The government, through the Women, Family and Community Development Ministry, has enacted the Anti-Harassment Act Sexuality 2022 (Act 840) as a specified act to handle sexual harassment.

"The enforcement of this act has been implemented in stages from March 28, 2023.


"In addition, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced an implementation guidelines initiative for the Anti-Sexual Harassment Advocacy Programme on March 8, 2023. The Sports Ministry is one of the partners," said Yeoh.

She said the Sports Ministry will ensure that the Safe Sports Code is extended to grassroots level, including schools.

A soft copy of the Safe Sports Code is available for download on the Sports Ministry's website [www.kbs.gov.my](http://www.kbs.gov.my).

The coach, accused of sexual misconduct at the Paralympic Centre of Excellence in Kampung Pandan, has been told to go on leave amid a Police investigation.

Yeoh also said that some swimmers want the coach to continue guiding them for the Paris Paralympic Games.



TAJUK : ENGGAN DIBANTU

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 2 MAC 2024

M/SURAT : 19

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Oleh Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my

### Seremban

**P**esara polis yang tular kerana hidup gelandangan di sebuah premis rumah kedai di Seremban Jaya, Senawang di sini dibantu polis dari Ibu Pejabat Daerah (IPD) Seremban, kelmarin.

Difahamkan, warga emas berusia 62 tahun itu tinggal sendirian di rumah kedai usang dalam keadaan tidak terurus dan kotor sejak lebih tiga bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisyoner Mohd Hatta Che Din berkata, sepasukan pegawai polis turun padang ke lokasi pesara polis berkenaan tinggal bagi menyemak kesahihan kejadian yang tular itu, kelmarin.

"Sebelum ini tular di media sosial melaporkan seorang pesara polis hidup terbiar di sebuah rumah kedai. Berdasarkan laporan itu, kami menziarahi lelaki berkenaan.

"Selepas tiba dan hasil semakan mendapati memang benar warga emas itu pesara polis. Tempat terakhir

## PESARA POLIS GELANDANGAN

# ENGGAN DIBANTU



PESARA polis yang tular kerana hidup gelandangan di sebuah premis rumah kedai di Seremban Jaya, Senawang dibantu polis dari IPD Seremban.

beliau bertugas di daerah Seremban," katanya.

Beliau berkata, antara yang ke lokasi berkenaan Ketua Bahagian Pengurusan Daerah (KBPD) Seremban, Deputi Superintendan

Khairi Jamaludin; Ketua Polis Balai Paroi, Sarjan Mejar Rahman Wasis dan Timbalan Ketua Polis Balai Senawang Sarjan Mejar Mohd Iskandar Adam.

Jelas Mohd Hatta lagi,

berdasarkan temu bual dengan warga emas itu, pihaknya dimaklumkan lelaki berkenaan menghadapi masalah peribadi dengan keluarganya.

"Hasil temu bual juga, pesara ini memaklumkan sudah tinggal di rumah kedai itu sejak tiga bulan. Namun, berdasarkan isu yang tular dan keadaan di lokasi, kami mendapati dia tinggal di situ dalam tempoh masa lebih lama.

"Kami difahamkan juga, sebelum Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Seremban pernah membantu pesara ini, namun dia enggan dan berkeras tidak mahu dibantu.

"Justeru, antara usaha yang kami lakukan semalam (kelmarin) adalah dengan memujuknya supaya ditempatkan sementara waktu di bawah JKJ. Sekiranya ada waris yang mahu ambil, kita serahkan kepada waris," katanya.

Ada aduan mengatakan warga emas itu tidak mendapat wang pencen atas beberapa faktor, namun sudah meminta Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) untuk menyemak.





|          |                                                                  |           |                 |
|----------|------------------------------------------------------------------|-----------|-----------------|
| TAJUK :  | OVER 100 SIBU WOMEN ENTREPRENEURS RECEIVE GRANTS OF RM2,000 EACH |           |                 |
| HARI :   | SABTU                                                            | AKHBAR :  | THE BORNEO POST |
| TARIKH : | 2 MAC 2024                                                       | M/SURAT : | 09              |
| TONE :   | POSITIF                                                          | SEKTOR :  | KPWKM           |

## Over 100 Sibu women entrepreneurs receive grants of RM2,000 each

**SIBU:** Aid of RM2,000 each under the Women's Empowerment Grant have been presented to 143 women entrepreneurs in Sibu District.

Minister for Women, Childhood, and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah said the one-off grants aim to help single mothers or female household heads with business capital, as well as to generate their own income.

"With the implementation of this programme, these recipients can be actively involved in

entrepreneurship and participate in the state's economic sector," she said a women's career programme here yesterday.

She said the programme targeted Sarawakian women aged 18 and above, who are categorised as B40.

According to her, the Women and Family Department Sarawak (JWKS) is very committed to the development of young women entrepreneurs, especially in raising awareness of services provided by the government towards women's career development.

The programme would also provide exposure and information on employment opportunities for women in formal and informal economic sectors, as well as increase women's participation in society.

"The long-term objective of JWKS is to ensure that the economic position of the women in Sarawak and their business ventures are well managed and progressing," Fatimah added.

Meanwhile, 43 women here also received the Women Household Heads Aid of RM500 each during the event.



Fatimah (centre) with grant recipients and organisers at the event in Sibu.



TAJUK : SARIKEI HOSPITAL RECEIVES TWO DIALYSIS MACHINES

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 2 MAC 2024

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Fatimah symbolically hands over the assistance to Dr Mohamad Ng.

# Sarikei Hospital receives two dialysis machines

Philip Wong

**SIBU:** The state government through the Welfare Department recently presented two haemodialysis machines to Sarikei Hospital.

Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah said the machines, costing RM41,150 each, were additions to the existing facilities meant to benefit patients obtaining treatment at the hospital.

"Sarikei Hospital currently has 16 dialysis machines to cater to the needs of the 209 patients who are undergoing dialysis.

"The Welfare Department had, in 2023, purchased 24 haemodialysis machines worth RM987,600 via tender, and they were placed at 11 hospitals across Sarawak, including one at the Sarawak Heart Centre in Kota Samarahan, and at two other health clinics.

"The placement of these machines was decided based on the needs of the hospitals, as well as after taking into consideration the number of patients undergoing treatment," she said.

Out of the 11 hospitals, the hospitals in Betong, Bintulu and Mukah each has three machines, the Sarikei and Lundu hospitals each gets each two, and Saratok, Kanowit, Limbang, Lawas, Serian


and Dalat hospitals each receives one.

The Sarawak Heart Centre and the Debak Health Clinic each has one dialysis machine, while the Tatau Health Clinic in Bintulu receives two.

Adding on, Fatimah said six haemodialysis machines had been handed over to five health institutions throughout Sarawak in 2021.

She added that the department had approved a total of 399 applications for the 'Special Assistance for Kidney Patients' from January 2020 to December last year.

Among those present was Sarikei Hospital director Dr Mohamad Ng Siah Huat.



TAJUK : DOCTOR NABBED FOR ALLEGEDLY MOLESTING FEMALE EMPLOYEE

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 2 MAC 2024

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Doctor nabbed for allegedly molesting female employee

By **SARBAN SINGH**  
sarbans@thestar.com.my

**JEMPOL:** Police have detained a 36-year-old doctor of a private clinic here for allegedly molesting his female employee.

Jempol police chief Supt Hoo Chang Hook said the 24-year-old victim, who only started working for the doctor about a month ago,

lodge a report regarding the alleged incident at about 6pm on Feb 28.

"The victim, who works as an assistant at the clinic, claimed that the incident happened at an employee resting room after working hours on Feb 24.

"She also claimed that this was the second time the suspect had molested her," Supt Hoo

said, adding that the first incident allegedly happened on Feb 19.

He said the incident left the victim traumatised and she eventually told her family members about it.

A report was then lodged.

Supt Hoo added that police have since recorded statements from several witnesses to assist in

the probe.

"The suspect was detained around noon on Thursday, and we obtained an order from a Magistrate's Court here yesterday to detain him for three days," he said.

Supt Hoo said police were wrapping up their probe, and the investigation papers would be submitted to the deputy pub-

lic prosecutor for further action.

The case, he said, was being investigated under Section 354 of the Penal Code for using force with intent to outrage a person's modesty.

Offenders can be jailed up to 10 years, fined, whipped, or any two of the punishments upon conviction.



|          |                                              |           |          |
|----------|----------------------------------------------|-----------|----------|
| TAJUK :  | KELANTAN WOMEN'S SECRET TO LONG LIFE - SMILE |           |          |
| HARI :   | SABTU                                        | AKHBAR :  | THE STAR |
| TARIKH : | 2 MAC 2024                                   | M/SURAT : | 14       |
| TONE :   | POSITIF                                      | SEKTOR :  | KPWKM    |

# Kelantan women's secret to long life - smile

THE secret to Kelantan women's long life is apparently due to lots of smiles and adherence to confinement practices, *Harian Metro* reported.

According to Kelantan welfare, family and women's development committee chairman Rohani Ibrahim, Kelantan women's average lifespan was 74.8 years compared to the men's 69.5 years.

"Kelantan women love to smile, are friendly and they take care of their diet. Probably in their youth, they also observe confinement practices.

"They are hardworking and really watch what they eat thus it

is not strange that these are factors that contribute to a long life, besides the appropriate prayers," she said.

> Despite having tried various methods, actress Janna Nick said she has to accept the fact that she has yet to be blessed with children, according to a report by *Kosmo!*.

Janna, or Nurul Jannah Muner, 29, said she is still finding it difficult to conceive.

The *Pasal Kau* actress shared this in a video to answer fans' questions whether she was pregnant.

Janna also said that she no

longer does her favourite activities such as yoga, heavy exercise and sauna while trying to get pregnant.

She says she is currently taking health food products.


Janna added that it was not easy to conceive and prayed for all women who are struggling not to give up and continue to be strong.

Janna married fellow actor Dini Schatzmann, 30, on June 10, 2023.

The actress previously drew criticisms for expressing a desire to have a child born under the Libra zodiac sign between Sept 23 to Oct 22.



**Hopeful:** Janna says she's doing everything she can to conceive.



|          |                                                                    |           |                         |
|----------|--------------------------------------------------------------------|-----------|-------------------------|
| TAJUK :  | KEMENTERIAN AKAN LEBIH AGRESIF TAMBAH RAKAN STRATEGIK KGC: FATIMAH |           |                         |
| HARI :   | SABTU                                                              | AKHBAR :  | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH : | 2 MAC 2024                                                         | M/SURAT : | 03                      |
| STONE :  | POSITIF                                                            | SEKTOR :  | KPWKM                   |

## Kementerian akan lebih agresif tambah rakan strategik KGC: Fatimah

**SIBU:** Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak akan lebih agresif mencari serta menambah rakan strategik Kenyalang Gold Card (KGC) pada tahun ini.

Menterinya Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, KGC merupakan satu inisiatif kerajaan negeri yang membolehkan pihak swasta, badan korporat, syarikat, pasar raya dan kedai yang ingin menawarkan diskaun atau rebat ke atas produk dan perkhidmatan mereka kepada pemegang kad.

"Oleh itu, kita mahu menambah rakan strategik supaya kad ini dapat digunakan dengan lebih menyeluruh lagi," ujarnya ketika berucap pada majlis penyampaian plak rakan strategik KGC kepada Win Hotel di sini,

semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat itu yakin banyak yang mahu menjadi rakan strategik KGC tetapi mereka tidak tahu bagaimana untuk memohon, di mana permohonan boleh dibuat secara manual dengan mendapatkan borang di Jabatan Kebajikan Masyarakat atau mengisi borang secara dalam talian.

Di Bahagian Sibu katanya, kini terdapat sebanyak 40 rakan strategik yang menawarkan pelbagai kesetiaan kepada pemegang kad, dengan 471 rakan strategik di seluruh Sarawak.

"Di Sibu, terdapat seramai 37,930 pemegang KGC daripada jumlah keseluruhan sebanyak 273,979 pemegang KGC," jelasnya sambil menambah, KGC boleh dipohon oleh semua warga emas



**TERBAHARU:** Fatimah (dua kiri) menyampaikan plak rakan strategik KGC kepada Leong (tiga kiri) sambil diperhatikan oleh Tang (kiri) dan Rohana.

Sarawak yang berumur 60 tahun dan keatas.

Sebagai rakan strategik yang baharu katanya, Win

Hotel menawarkan kadar korporat bagi kadar harga bilik yang tersedia di hotel terbabit.

Selain Win Hotel, rakan strategik di Sibu adalah Sibu Specialist Medical Centre, Ban Siew Casket, 20DB

Hearing Sdn Bhd dan banyak lagi.

Menyentuh mengenai pindaan Bantuan Ihsan Kematian (BIK) yang disalurkan kepada pemegang KGC, Fatimah berkata pindaan itu nanti diharap dapat memberi manfaat yang lebih kepada pemegang kad semasa mereka masih hidup.

"Kita telah menyemak semula bantuan dan dengan kelulusan kerajaan negeri, diharap dapat bermula tahun ini. Kita akan bermula dari kumpulan B40, di mana ia akan memberi faedah perubahan kepada mereka.


"Apabila pemegang KGC ini pergi ke panel kesihatan kita untuk mendapatkan rawatan, bayaran rawatan akan terus ditolak daripada jumlah yang diberikan kepada pemegang kad," jelasnya sambil menambah had ban-

tuhan untuk satu tahun akan ditetapkan nanti.

Menurut Fatimah, ini bermakna bila pemegang kad masih hidup, mereka boleh menggunakan KGC untuk mendapatkan rawatan kesihatan di klinik dan hospital swasta supaya mereka tidak perlu beratur untuk mendapatkan rawatan kesihatan di hospital kerajaan.

Difahamkan, BIK yang berjumlah RM3,000 itu akan dikurangkan dan disalurkan kepada pemegang kad untuk mendapatkan rawatan kesihatan terbabit.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengurus Win Hotel Desmond Leong, Ketua Cawangan Bantuan Kesejahteraan Sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak Rohana Isnawi serta Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian Sibu Tang Kee Lee.



TAJUK : KERAJAAN SARAWAK AKAN TERUS USAHA PERKASA EKONOMI WANITA

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 2 MAC 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Kerajaan Sarawak akan terus usaha perkasa ekonomi wanita

## Manfaat kemahiran untuk tangani kenaikan kos sara hidup: Fatimah

Oleh Watt Zacchaeus

SIBU: Kerajaan Sarawak terus berusaha memperkasakan ekonomi wanita di negeri ini, kata Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah.

Menurutnya, kenaikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) daripada 6 peratus kepada 8 peratus bermula semalam turut akan dirasai oleh golongan B40 khususnya.

"Seperti kita sedia maklum bahawa SST hari ini (semalam) telah dinaikkan, (kalau) pergi kita ke kedai makan, beli barang, kosnya naik.

"Inilah satu perkara yang perlu kita atasi, kos barang yang kita perlukan untuk seharian, terutama makanan keperluan, naik harga, tidak pandai turun," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Jelajah Kerjaya Wanita Sarawak Siri 1/2024 Bahagian Sibü yang berlangsung di Pintu Gerbang Sibü, semalam.

Hadir sama ialah Pengarah Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) Salmah Jobeli.

Fatimah berkata, golongan B40 akan terkesan dengan kenaikan kadar SST itu kerana pendapatan mereka tidak setimpal dengan kenaikan harga barang.

"Kumpulan B40 terutamanya banyak itu sahaja gaji. Tapi barang makin naik, macam tak seimbang.

"Sebab itulah kami di JWKS mahukan wanita kita di Sarawak memperkasakan ekonomi rumah tangga supaya kumpulan B40 yang mempunyai pendapatan tidak menentu akan dibantu. Mereka perlu makan dan berbelanja tapi kosnya makin tinggi," katanya yang juga Ahli Dewan Undan-



**GUNAKAN SEBAIKNYA:** Fatimah (tiga kiri) menyampaikan Geran Modal Pemerkasakan Wanita Sarawak berjumlah RM276,158.50 kepada wakil penerima dari Bahagian Sibü, Christina Lalang Raymond sambil disaksikan oleh Salmah (dua kiri) serta yang lain.

“Cari jalan, di mana ada kemahiran gunakannya. Kami daripada pihak jabatan atau kementerian mempunyai geran kerajaan untuk membantu anda, kita salurkan kepada wanita-wanita ini.”

Dato Sri Fatimah Abdullah  
Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

gan Negeri (ADUN) Dalat.

Fatimah berkata, secara asasnya itulah kenapa kerajaan mahu memperkasakan ekonomi wanita.

Justeru, beliau mengalakkan wanita yang mempunyai kemahiran supaya memanfaatkannya untuk memperkasakan ekonomi masing-masing.

"Cari jalan, di mana ada kemahiran gunakannya. Kami daripada pihak jabatan atau kementerian mempunyai geran kerajaan untuk membantu anda, kita salurkan kepada wanita-wanita ini.

"Kita ada menyediakan banyak bantuan untuk membantu

anda meningkatkan ekonomi,"

tegasnya sambil menjelaskan antara bantuan yang disediakan kerajaan ialah Bantuan Ketua Isi Rumah Wanita Sarawak (KIRWaS), pembiayaan Caruman Minimum i-SURI dan Geran Modal Pemerkasakan Wanita Sarawak.

Menyentuh mengenai KIRWaS dan Geran Modal Pemerkasakan Wanita Sarawak, Fatimah memberitahu, masing-masing terdapat seramai 43 dan 143 orang penerima di Bahagian Sibü.

Sementara itu, Fatimah berharap program itu akan memberi manfaat besar kepada

peserta dan penglibatan wanita akan meningkatkan kedudukan ekonomi mereka sekaligus memastikan perniagaan yang diceburi diuruskan dengan baik dan berdaya tahan.

"Bagi mencapai tujuan tersebut, penganjuran program ini melibatkan beberapa komponen iaitu komponen pertama pelesenan perniagaan yang melibatkan agensi pendaftar dalam membantu mendaftarkan perniagaan usahawan wanita agar dapat dijalankan dengan sah.

"Komponen kedua pula melibatkan agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang menawarkan pelbagai perkhidmatan, bantuan, geran dan pinjaman perniagaan bagi membantu usahawan wanita menambah modal dan menambah baik peralatan perniagaan dalam menjana pendapatan lebih tinggi.

"Manakala komponen ketiga adalah latihan keusahawanan digital bagi meningkatkan kemahiran keusahawanan wanita Sarawak," tambahnya.